

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAZALI BIN IDRIS

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan proses untuk memuktamadkan jajaran Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bagi Seksyen A (jajaran Kota Bharu-Dungun) dan Seksyen B (jajaran Dungun-Mentakab) dan apakah faktor untuk memastikan daya maju projek, saling hubungan rel dan implikasi kewangan diambil kira terutama ketika negara berdepan dengan COVID-19.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jajaran projek ECRL ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Seksyen A (jajaran dari Kota Bharu – Dungun), Seksyen B (jajaran dari Dungun – Mentakab) dan Seksyen C (jajaran dari Mentakab – Pelabuhan Klang). Proses memuktamadkan dan kelulusan bagi kesemua jajaran ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 83 dan 84, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) melalui Skim Keretapi yang dikemukakan oleh pemohon atau pemilik projek melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Kelulusan bagi Skim Keretapi ini adalah daripada Menteri Pengangkutan.

2. Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan sebagai pemilik projek ECRL telah menerima kelulusan bersyarat bagi jajaran Seksyen A (Kota Bharu – Dungun) pada 4 November 2019. Pemeriksaan awam bagi Seksyen A ini telah dilaksanakan dari 25 November 2019 sehingga 24 Februari 2020. Tujuan pemeriksaan awam ini adalah untuk orang awam memberi maklumbalas atau bantahan berkenaan jajaran ini. Kelulusan muktamad Skim Keretapi bagi Seksyen A telah diperolehi pada 14 Mei 2020.

3. Manakala bagi jajaran Seksyen B (Dungun – Mentakab) pula, proses permohonan kelulusan Skim Keretapi adalah sama seperti Seksyen A. Kelulusan bersyarat bagi jajaran ini telah diterima pada 2 Mac 2017 manakala Pemeriksaan Awam bagi jajaran ini telah dilaksanakan

dari 8 Mac 2017 sehingga 7 Jun 2017. Kelulusan muktamad Skim Keretapi bagi jajaran ini pula telah diterima pada 23 Jun 2017.

4. Selain itu, kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (*EIA*) juga perlu daripada pihak Jabatan Alam Sekitar sebelum pembinaan jajaran keretapi ini dan kelulusan *EIA* bagi Seksyen A (Kota Bharu – Dungun) telah diterima pada 13 Mac 2020 manakala bagi Seksyen B (Dungun – Mentakab) pula adalah pada 20 Jun 2017.

5. Bagi jajaran Seksyen C (Mentakab – Pelabuhan Klang), Kerajaan sedang di dalam proses untuk memuktamadkan laluan dan stesen di sepanjang jajaran ini. Proses ini perlu dijalankan untuk Kerajaan mengambil kira beberapa faktor seperti *viability of project*, kesalinghubungan rel dan juga implikasi kewangan sebelum kelulusan diberikan bagi jajaran ini.

6. Bagi memastikan daya maju projek ECRL, jajaran Seksyen C (Mentakab – Pelabuhan Klang) sedang dikaji dan diperhalusi. Cadangan asal projek ECRL pada tahun 2018 iaitu sebelum penggantungan projek telah mengambilkira pembinaan sistem landasan bagi tolok meter (*meter gauge*) bagi KTMB dan tolok standard (*standard gauge*) bagi ECRL yang akan dibina dari Serendah ke Pelabuhan Klang. Stesen Serendah telah dikenalpasti sebagai stesen yang sesuai bagi pertukaran (*interchange*) penumpang dan juga barangan atau kargo di antara ECRL dan KTMB. Melalui stesen ini, kedua-dua perkhidmatan ini (ECRL dan KTMB) akan dapat mengintegrasikan serta meningkatkan jaringan rel di antara negeri-negeri di Pantai Timur dan negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia.

NO. SOALAN: 21

7. Cadangan pembinaan laluan ECRL dan laluan KTMB dari Serendah ke Pelabuhan Klang bakal memberi manfaat kepada Kerajaan terutamanya dalam penjimatan kos perbelanjaan projek sekaligus dapat menjimatkan tempoh penyelarasan dan pembinaan bagi kedua-dua laluan ini.

Sekian, terima kasih.